

PROGRAM KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Azlin binti Abdillah, Dayang Nazari binti Awang Drahman, Zalila Hj Kassim dan Rashinah binti Hossein



Fakulti Perakaunan bersama Idris Ibrahim & Co (IIG), sebuah firma akauntan yang bertaulia di Kuching dan juga Jabatan Hutan Sarawak telah menjayakan program Greening Sarawak pada 11 November 2023. Pelaksanaan program ini merupakan inisiatif korporat IIG bagi memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pokok oleh setiap warga kerja IIG dan pelajar universiti. Program ini mendapat sokongan padu universiti melalui pejabat Timbalan Rektor HEP Prof Madya Dr Saimi Bujang dan Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan, Dr Susan Hydra Sikayu.

Seramai 76 pelajar tahun akhir program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan bersama empat orang pensyarah fakulti telah menyumbang tenaga bersama 43 orang kakitangan IIG dalam aktiviti penanaman pokok di Pusat Hutan Simpan Sabal Simunjan. Pusat ini merupakan sebuah kawasan hutan simpan dibawah kelolaan Jabatan Hutan Sarawak. Sebanyak 1,200 pokok dari pelbagai spesies bernilai tinggi seperti meranti telur, luis kerangas, geronggan, bintangor batang putih, lun daun tebal dan lun sup telah ditanam semasa program ini. Program ini dilaksanakan bagi menyokong kempen Greening Sarawak anjuran kerajaan negeri Sarawak, selari dengan Kempen Penanaman 100 juta pokok di seluruh negara menjelang tahun 2025.

Penglibatan pelajar fakulti merupakan satu usaha murni universiti ke arah melahirkan generasi yang menghargai kelestarian alam, serta memberi kesedaran kepada warga fakulti universiti mengenai kepentingan kawasan litupan hijau dan hutan bagi memastikan kesejahteraan kualiti hidup masyarakat di sekeliling dan isamping membantu menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara. Tuan Hj Wan Idris Wan Ibrahim, rakankongsi utama ketika ucapan pada program tersebut menyatakan bahawa akauntan dan bakal akauntan perlu memahami bahawa syarikat-syarikat korporat dan usahawan boleh menyumbang kepada kelestarian alam di bawah inisiatif Persekitaran, Sosial dan Tata Kelola (Environment, Social and Governance). Akauntan yang berperanan sebagai penasihat tata kelola dapat memainkan peranan melalui pendedahan kepada projek-projek seperti ini.